

# BAB KEDUA



Peta 1.2 Negara Jepun

Sumber: <http://www.outdoorjapan.com/maps/map-of-japan.html>

## BAB II

### KEUNIKAN BUDAYA TRADISI JEPUN

#### 2.1. Pengenalan.

Kesinambungan budaya tradisi Jepun mempamerkan tentang keunikannya yang tersendiri. Sekaligus menunjukkan bahawa tradisi Jepun telah bertapak sekian lama dan diwarisi sejak turun temurun. Walaupun para sarjana telah mengenalpasti asal usulnya bùdaya Jepun dari Dinanti Tang di China, namun tidaklah semudah itu ia diterima pada pertingkat awalnya. Hanya menjelang akhir pemerintahan Nara, barulah Jepun menerima pakai kebudayaan China secara meluas. Namun demikian, susun atur budaya ini telah di “cipta” semula supaya ia menjadi budaya asli Jepun. Masyarakat asli Jepun biasanya tidak sewenang-wenangnya menggunakan pendekatan Chinna secara total, malah telah disusun mengikut tradisi budaya Jepun.<sup>48</sup>

Di antara budaya Jepun yang dianggap unik termasuklah Adat Minum Teh, Seni taman Jepun, Teater Tradisional, Seni Kraftangan, Pakaian Tradisi Kimono, Linkungan Budaya Kunci dan sebagainya. Keunikan budaya ini mempunyai kaitan dengan jati diri masyarakat Jepun. Dikatakan kebudayaan Jepun telah bertapak lebih dari seribu tahun tanpa sebarang asimilasi budaya luar secara total. Walaupun pengaruh dari China, Korea,

---

<sup>47</sup> Kenneth Sannders, *The Ideals of East and West*, Cambridge University Press, London, 1934, hlm. 88.

<sup>48</sup> Taici Sakiya, *What is Japan, Contradictions and Transformations*, terj. Steven Karpa, Kodansha International, New York, 1993, hlm. 209.

dan Zen Buddhism China menyumbang kepada pembentukan budaya Jepun, namun Konsep *Endogami* kebudayaan masih diamalkan. Keadaan ini seolah-olah dasar kebudayaan Jepun tertutup daripada pengaruh luar.<sup>49</sup>

## 2.2. Adat Minum Teh.

Salah satu cabang kebudayaan Jepun ialah Adat Minum Teh “*The Tea Ceremony*” atau *Cha-No Yu*.<sup>50</sup> Teh kebiasaanya diminum oleh semua lapisan masyarakat sebagai minuman biasa seperti juga minuman panas yang lain. Tetapi bagi masyarakat Jepun, adat ini bermaksud “*not water for tea*”, iaitu adat bagaimana menjalankan perhubungan diantara tuan rumah dengan tetamunya. Ia bukan sahaja sebagai minuman biasa tetapi merangkumi seni disiplin dan nilai falsafah yang tersendiri. Setiap acara minum teh meninggalkan pengalaman meditasi yang unik dan sukar digambarkan.

Dalam istiadat minum the, rumah atau bilik teh dianggap tempat suci yang ada nilai kepercayaan dan agama. Tempat ini menenangkan dan kelengkapan yang digunakan adalah memang terpilih dan unik. Lampu-lampu dipasang dengan tidak terlalu cerah, sebaliknya kelam dan samar-samar tetapi menyenangkan tetamu. Di sinilah manusia, di sinilah ketengangan, di sinilah semangat kesatuan dan di sinilah disiplin minum teh.

---

<sup>49</sup> Murakami Hyoe and Edward G. Seidensticker (pynt), *Guides to Japan Culture*, Japan Culture Institute, Tokyo, 1977, hlm. 8.

<sup>50</sup> *Cha-Na Yo* bukan sahaja sekadar minum teh, tetapi juga meliputi cara-cara penyediaan dan hidangan teh, penghargaan terhadap keindahan alam, keceriaan seni taman, peralatan minum the, seni lukisan, gubahan bunga dan semua elemen yang ada hubungkait dengan adat ini. Yang lebih penting ialah wujudnya ledakan perasaan untuk menjawai. Pencapaian kebahagian dalaman melalui adat minum teh.

Secara personafikasi, minum teh adalah mewakili semua manusia dalam semua keadaan.<sup>51</sup>

Adat minum the ini banyak dipengaruhi oleh falsafah Zen Buddhism<sup>52</sup> sejak abad ke 14. Peringkat falsafah ini diajar bahawa kecemerlangan dan keserlahan akal budi hanya diperolehi melalui meditasi Zen manakala adat minum teh pula akan mendisplinkan akal serta pemikiran. Justeru itu pengikut falsafah Zen mengatakan “*Tea and Zen are in Separable*”.<sup>53</sup>

Masyarakat Jepun amat berhati-hati terutama menyediakan adat minum teh ini. Kebiasaannya tuan rumah akan memakai kimono<sup>54</sup> kepada tetamunya apabila ingin memulakan adat ini. Selepas mempersilakan duduk, tuan rumah akan membuka bungkusan teh, lalu mencedok serbuk teh tersebut yang diperbuat daripada buluh, Serbuk teh dimasukkan ke dalam mangkuk dan dikacau dengan sejenis berus daripada buluh sehingga menghasilkan minuman teh hijau. Sebelum menghidangkan teh ini, terlebih dahulu tuan rumah akan menghadap bibir cawan atau mangkuk dengan sehelai kain bersih. Kemudian tetamu akan diberikan semangkuk air teh diminum secara serentak.

---

<sup>51</sup> Soshitu sen, *Chado; The Japanese Way of Tea*, John Weatherhill Inc., Tokyo, 1979, hlm. 3.

<sup>52</sup> Zen merupakan satu ideologi kelompok kepercayaan Agama Buddha yang tidak semata-mata percaya kepada ritual agama itu, bahkan mempercayai bahawa keserlahan akal budi hanya akan dapat diperolehi melalui Meditasi atau *zazen*. Dua kumpulan Zen yang terkenaldi Jepun ialah *Rinzai* yang dihawa masuk dari China oleh Esei (1141-1215) dan *Soto* yang dipelopori oleh Dogen (1200-1253). Falsafah pengajaran Zen berkembang dengan meluas pada zaman kamakura dan Muromachi.

<sup>53</sup> Seno Tanaka, *The Tea Ceremony*, Kodanska International Ltd., new York, 1973, hlm. 22.

<sup>54</sup> *Kimono*, sejenis pakaian bercorak terang dan bertali pinggang lebar yang begitu popular. Ianya agak mahal dan tidak sesuai untuk kegiatan aktif. Di pakai untuk upacara formal seperti perkahwinan atau pengkebumian atau semasa menerima ijazah. Salah satu jenis kimono yang sering digunakan ialah *Nemaki* yang diperbuat daripada kapas atau flanel nipis bercetak dan digunakan sebagai pakaian tidur.

Setelah selesai diturunkan mangkuk perlahan-lahan ke lantai sambil masing-masing menundukkan kepala tanda hormat.<sup>55</sup>

### **2.2.1. Sejarah Awal Adat Minum Teh.**

Pada mulanya the di bawa masuk ke Jepun melalui China sejak Dinasti Tang (618-905) apabila berlaku pertukaran budaya di antara kedua buah negara. Ini berlaku apabila Maharaja Shomu (724-749) menjemput beberapa orang sami untuk menyertai upacara keagamaan teh di istana baginda. Pada waktu yang sama di negeri China, seorang sami Budhha yang bernama *Lu Wu* telah menyiapkan buku pertama beliau mengenai teh iaitu *Cha Ching*. Buku ini menggariskan peraturan lengkap bagaimana penyediaan adat minum teh yang betul. Ini termasuklah penyediaan air panas, tempat penyimpanan teh dan ramuan lengkap istiadat ini.<sup>56</sup>

Semasa pemerintahan Nara (710-784) teh telah di tanam di beberapa tempat berhampiran kuil dan dijadikan ramuan minuman untuk tujuan perubatan.<sup>57</sup> Selepas itu teh telah di tanam dengan meluas di beberapa tempat termasuklah di Ninnaji, Daigo, Yamato, Tanabe, Hattori dan lain-lain. Shogun Ashikaga Yoshimitsu memerintahkan menterinya Ouchi Yoshihiro menyediakan tapak tanaman teh. Terdapat lima tapak

---

<sup>55</sup> Jean-Claude Courdy, *The Japanese, Every Life In The Empire Of The Rising Sun*, terj. Raymond Rosenthal, Harper and Row Publishers, New York, 1817, hlm. 129.

<sup>56</sup> Lihat juga Soshitsu Sen, *Chado, The Japanese Way of Tea*, hlm. 4

<sup>57</sup> Seno Tanaka, *The Tea Ceremony*, hlm. 23.

penanaman teh yang terkenal iaitu Asahi, Kambayashi, Kyogoku, Yamana dan Umoji. Teh ini dipetik beberapa kali di kebun mengikut kesesuaianya.

Daun teh pertama di petik dipanggil *Cha* dan *Bei*.<sup>58</sup> Daun-daun teh akan diwap atau dikukus dan kemudian disejukkan. Kemudian daun-daun teh akan disalai.<sup>59</sup> Daun the yang baru dipetik biasanya dikeringkan dan dianginkan dengan menggunakan kipas serta dikelaskan “*superior, medium and inferior thin tea usu-cha*”. Proses selepas ini dinamakan *Koi-Cha* atau “*Thick Tea*” Manakala batang dan tangkai the digunakan untuk *Sen-Cha*.<sup>60</sup>

### **2.2.2. Falsafah dan Cara Hidangan Teh.**

Sistem hidangan teh Jepun memang memerlukan persiapan rapi dan teliti. Kebiasaannya sepuluh cawan disediakan daripada empat jenis teh yang dihidangkan kepada tetamu. Tetapi kadangkala meningkat kepada dua puluh, tiga puluh, lima puluh dan tujuh puluh, malah hingga mencecah seratus cawan. Setiap istiadat yang melebihi lima puluh atau enam puluh cawan akan berlangsung lebih lama dan berlarutan hingga tengah malam. Sesetengah tempat, minuman keras juga dihidangkan. Cawan-cawan akan digilirkan diantara tetamu yang hadir.<sup>61</sup>

---

<sup>58</sup> A.L. Sadler, *Cha-No-Yu; The Japanese Tea Ceremony*, Charles E. Tuttle Company, Tokyo, 1962. Hlm. 5

<sup>59</sup> Daun-daun teh yang bercampur dengan air panas dipanggil *Ha-Cha*, *Dashi-Cha* atau *Sen Cha*. Tetapi apabila daun teh telah dijadikan serbuk dengan air, dipanggil *Mat-Cha* atau *Ten Cha*. Terdapat juga daun teh yang dipanggil *Kawara-Cha*. Daun ini telah dibasuh dan dijemur tengah panas. Daun teh untuk dieksport biasanya disimpan dalam bekas lembah sebelum disalai dalam bentuk ragi. Daun ini dinamakan *Ko-Cha* atau teh merah.

<sup>60</sup> A.L. Sadler, hlm. 6.

Selepas kejatuhan Shogun Kamakura dalam tahun 1333, adat minum teh ini diperkenalkan secara meluas dalam majlis keramaian. Tuan rumah dan tetamunya akan bergembira di samping bermain tocha,<sup>62</sup> iaitu sejenis permainan yang diperkenalkan di China semasa pemerintahan Dinanti Sung. Dalam pemerintahan Ashikaga Takauji, permainan semasa minum teh sangat popular.

Antaranya ialah *Cha-e*, iaitu sejenis permainan seperti tocha, ttapi lebih mirip kepada pertaruhan di meja yang hadir. Gerai atau kedai minuman didirikan berhampiran kuil *Toji Temple Chronicle* di Kyoto pada tahun 1403 untuk menjual minuman teh berserta permainan ini. Sambutannya amat menggalakan sehingga sami-sami dan pembantu mereka juga menggeamari permainan ini. Pada tahun 1397, Shogun Yoshimitsu (1358-1408) telah membina istana singgahan di Kitayama dan Kyoto semata-mata untuk meraikan tetamu dan teman-temannya. Istana yang bercirikan elemen Dinasti Sung Utara dan Selatan diberi nama Karayo.<sup>16</sup>

Kepelbagaiannya cara menyediakan minuman teh sekali lagi mencirikan keunikan nilai falsafah dalam tamadun Jepun. Adat ini dilihat sebagai lambang atau '*spirit to do good and not to do evil*'. Semanagat atau lambang kebaikan untuk semua yang mencirikan kedamaian yang dinikmati bersama melalui '*a bowl of tea*'.<sup>17</sup> Acara minum tea boleh diadakan pada bila-bila masa mengikut kesesuaian majlis. Namun terdapat

<sup>61</sup> Seno Tanaka, hlm. 27.

<sup>62</sup> Tocha pada mulanya tidak dimainkan semasa adat minum teh, tetapi telah dimasukkan semasa adat berkenaan tidak lama kemudian. Ianya di bawa masuk ke Jepun daripada China dipertengahan pemerintahan Kamakura. Permainan ini dimulakan apabila tetamu berkumpul untuk minum dan bermesra diantara mereka. Permainan ini berkekalan sehingga zaman pemerintahan Muromachi.

<sup>16</sup> Seno Tanaka, *The Tea Ceremony*, hlm. 28.

<sup>17</sup> Soshita Sen, *Chado; The Japanese Way of Tea*, hlm. 4

beberapa jangka masa yang sering dikaitkan dengan adat ini. *Akatsuki no cha-no-yo* atau ‘*sunrise tea ceremony*’ bermula kira-kira jam 3.00 pagi, ketiga bulan masih dilangit hingga berakhir kira-kira jam 6.00 pagi. Minuman *Asa no cha-no-yo* atau ‘*morning tea ceremony*’ bermula kira-kira jam 6.00 pagi. Majlis ini kerap kali berlaku pada musim panas dan berakhir tidak lama kemudian. *Shogo no saji* atau ‘*noon tea*’ akan bermula waktu tengahari dan akan berakhir tiga atau empat jam kemudian. *Yobari ashi no cha-no-yo* atau ‘*leisurely evening tea ceremony*’ biasanya bermula pada pukul 6.00 petang. Majlis ini mengambil masa yang lama mengikut lama mana kunjungan tetamu.

Satu lagi adat minum ialah *Rinji Cha-no-yu* atau ‘*special tea ceremony*’. Majlis ini diadakan untuk meraikan tetamu atau kawan istimewa bagi menyambut sesuati perayaan tahun baru atau semasa pokok ‘*cherr’y* berkembang ataupun semasa musim salji.<sup>18</sup> Peraturan adat minum telah dikekalkan walaupun zaman telah berubah. Biasanya tetamu akan menanggalkan kasutnya di luar setelah memasuki bilik teh. Mereka dengan penuh sopan di bawa ke bilik *Toko-na-ma* iaitu sebuah bilik yang separuh tertutup. Terdapat beberapa kerusi tradisi untuk acara ini.<sup>19</sup>

### 2.3. Seni Taman Jepun “The Japanese Garden”

Seni taman bagi masyarakat Jepun adalah penting terutama bagi mempamerkan Jepun sebagai satu bangsa yang mementingkan keindahan lanskap dan taman. Masyarakat Jepun purba amat menitikberatkan susun akhir taman supaya bukan sahaja

---

<sup>18</sup> Boye Lafayette De Mente, *Entiquette Guide to Japan*, Charles E. Tuttle Company Inc., Tokyo, 1990, hlm. 86-87.

cantik tetapi melambangkan kemegahan bangsa Jepun. Sebenarnya seni kejndahan dan pengubahan taman atau ‘*The Japanese Garden*’ telah diperkenalkan sebelum pengaruh Zen masuk ke Jepun lagi. Cuma falsafah Zen telah membawa perubahan baru terhadap seni ini.<sup>20</sup> Pada abad ke 7 dan ke 8, jelas seni taman Jepun ini dipengaruhi oleh kebudayaan China serta Korea. Ini seperti contoh-contoh kolam, jambatan, tanglung dan seni tembikar yang terdapat di Jepun.<sup>21</sup>

Masyarakat Jepun menganggap seni taman sebagai penting dan mempunyai bentuk kesenian khusus yang memberi kesan kepada kehidupan mereka. Falsafah prinsip ini merupakan tunjang kepada keserlahan pemikiran ‘*serenity*’, dan kedamainan. Sebab itulah konsep *in* dan *yo*<sup>22</sup> amat dititikberatkan. Konsep ini akan mewujudkan kesenian taman yang dicernakan pada tahap ‘*balance*’ yang mencetuskan keharmonian dan kesepadan. Di sinilah uniknya konsep seni taman Jepun.<sup>23</sup>

Zaman Muromachi (1333-1568) dikatakan zaman keemasan seni taman Jepun. Beberapa kumpulan seni taman seperti *Senqui Kawaramono* atau ‘*Mountain, stream and riverbed people*’ dan *Karesansui* atau ‘*dry mountain stream*’ telah muncul dengan rekaan

---

<sup>19</sup> Ibid, hlm. 88

<sup>20</sup> Martin Collcutt, Marius Jansen and Isao Kumakura, *Cultural Atlas of Japan, Facts On File*, Inc., New York, 1988, hlm. 122

<sup>21</sup> Ibid.

<sup>22</sup> Konsep *in* dan *yo* hampir menyamai falsafah *yin* dan *yang* yang diperkenalkan oleh kepercayaan Buddhisme China. Penekanan kepada konsep lelaki atau positif, perempuan atau negatif, bukanlah bermakna antara mereka bermusuhan, malah akan wujud kesepadan apabila *in* dan *yo* diharmonikan dalam masyarakat Jepun.

<sup>23</sup> Maggie Ostar, *Japanese Garden Style, Eastern Traditional in Western Garden Design*, Casslel Villiers House, United Kingdom, 1993, hlm. 41.

mereka yang tersendiri. Penggunaan batu, air dan pasir yang diilhamkan daripada doktrin Zen Buddhisme telah diberi keistimewaan semasa penyediaan seni taman Jepun.<sup>24</sup>

Semasa zaman Edo (1615-1867) seni taman ini telah diperkembangkan lagi dengan perpindahan pusat pentadbiran ke Edo (sekarang Tokyo). Seni taman yang unik ini telah mendapat tempat di kalangan penduduk desa dan masyarakat kota. Menjelang beberapa abad selepas itu, seni taman ini telah berubah dan berkembang. Daripada menjadi kegemaran persendirian, seni ini telah berjaya membentuk nilai falsafah keunikannya yang tersendiri. Seni ini telah berjaya memupuk pemujaan manusia kepada keindahan semulajadi dengan pemikiran sains tabie dan kefahaman metafizik serta lanskap.<sup>25</sup> Loraini Kucle, melalui bukunya “*The World of The Japanese Garden*” menggambarkan zaman Muromachi sebagai kuasa baru dalam penjelmaan seni tamma Jepun. Beliau menyatakan,

*“.....inspiration and technique reached maturity  
together, producing gardens which for sheer beauty  
and artistry have never been excelled in any period  
or in any country.....”<sup>26</sup>*

### **2.3.1. Struktur Seni Taman Jepun**

Walaupun pada dasarnya, struktur seni taman Jepun begitu ringkas dan tertentusifatnya, namun susun atur pelengkap seni ini begitu kengagumkan. Beberapa

---

<sup>24</sup> *Japan Profile of a Nation*, Kodansha International Ltd., Tokyo, 1994, hlm. 269

<sup>25</sup> Maggie Ostar, *Japanese Garden Style*, Eastern Traditionals, hlm. 20

susun atur struktur seni taman Jepun ini bagaikan melambai-lambai tetamu untuk terus berada dab berehat disekitarnya. Keunikan seni ini begitu terserlah sehingga ia digambarkan sebagai tempat mencari ilham dalam semua keadaan.<sup>27</sup> Kedudukan pintu itaman taman dengan dipagari oleh dinding-dinding yang dirimbuni dengan pokok-pokok menjalar menceriakan suasana. Terdapat beratus-ratus simpulan dan ikatan benang yang diikat di pintu buluh utama. Sementara dinding dikenakan bentuk plater dengan pasir manik disamping penyediaan syiling berbentuk payung menggambarkan keunikan dan sentiviti persekitaran yang menghijaukan. Disinilah letaknya salah satu aspek keunikan budaya seni taman dalam peradaban Jepun.<sup>28</sup>

Penstrukturan seni taman Jepun melengkapi dua unsur iaitu elemen tradisional yang berakarumbikan kepada doktrin zen serta seni taman moden. Kombonasi kedua-dua unsur sekali lagi memperlihatkan bagaimana unsur semulajadi ditambah dengan nilai seni moden menjadikannya saling lengkap melengkapi. Davidson Slawson menyebutkan,

“...The value of the work of art does not  
lie in the perceive valueof the materials,  
but rather in the quality of the experience  
produced by materials woven in effective  
sensory relationship”,<sup>29</sup>

---

<sup>26</sup> Loraini Kuck, *The World of The Japanese Garden*, Weatherhill, New York, 1968, hlm. 69

<sup>27</sup> Maggie Ostar, *Japanese Garden Style*, Eastern Traditionals, hlm. 179

<sup>28</sup> Ibid, hlm. 180.

Penstrukturkan aspek *in* dan *yo* sekali lagi memperlihatkan kombinasi antara elemen ‘*perhiasan*’ dengan ‘*perkebunan*’. Sekali imbas wujudnya pertentangan seperti cahaya terang dengan gelap, permukaan yang kesat dengan lantai yang licin dan halus ruangan dengan bentuk, ‘*horizontal and vertical, hard and soft*’. Namun unsur-unsur ini akan bertemu seba gai sebuah kedamaian dan harmoni apabila wujud elemen ‘*balance*’.

#### **2.4. Seni Gubahan Bunga Jepun ‘Ikebana’**

Seni gubahan bunga Jepun atau *Ikebana* atau *kado* merupakan seni gubahan bunga atau ‘*Japanese flower arrangement*’ yang mempunyai nilai estetika dan keunikannya yang tersendiri. Perkataan *Ikebana* boleh ditulis dengan dua cara, sama ada melalui *kanji*<sup>30</sup> (ikiru) yang bermaksud ‘*to live*’ iaitu untuk hidup, atau melalui *kanji* (ikasu) yang bermaksud ‘*to create*’ iaitu untuk mencipta. Ianya ditulis bersama *hana* yang bermaksud bunga, (huruf h ditukarkan kepada ‘b’ mengikut bacaan Jepun). Jadi perkataan ini akan membawa maksud ‘*living flowers*’ atau ‘*creating with flowers*’.<sup>31</sup>

Ikebana juga sering dikaitkan dengan upacara minum tea Jepun sebagai salah satu ciri-ciri seni dan budaya Jepun. Semasa pemerintahan Muromachi, ia dipanggil rikka atau ‘*standing flowers*’. Ia amat bernilai terutama dalam anutan Buddha. Seni Ikebana ini telah

---

<sup>29</sup> Davidson Slawson, *Sacret Teaching in the Art of Japanese Gardens*, Kodansha International Ltd., Tokyo, 1987, hlm. 56

<sup>30</sup> *kanji* merupakan seni grafik yang berasal dari negeri China. Dikatakan seni grafik tertua ditemui diukir di atas kulit kura-kura emas Dinasti Yin (Shang) (1400-1029 s.m). Sistem penulisan grafik China telah dibawa masuk ke Jepun menjelang abad ke 5, dan hanya digunakan oleh pendatang tanah besar China untuk menghantar surat atau catatan. Selepas itu ia digunakan secara meluas dalam masyarakat Jepun. Ia dikatakan *mana* atau ‘*real writing*’ yang berbeza daripada *kana* atau ‘*nonregular*’.

<sup>31</sup> Takashi Sawano, *Ikebana*, Ward Loke Limited, London, 1981, hlm. 9

berkembang di semua lapisan masyarakat dan tertubuhnya banyak sekolah Ikebana terutama semasa pemerintahan Edo.<sup>32</sup>

Ikebana merupakan sebahagian daripada ‘*awareness of nature*’. Bunga-bungaan dan seni taman melahirkan semangat dalaman’ dan ‘ keintelikualan’ terhadap Ikebana. Seni ini tidaklah statik, bahkan berkembang mengikut peredaran masa dan menyahut cabaran keindahan sejagat’. Dengan lain perkataan “*Ikebana lives in harmony with the environment, reflecting the infinite spatial values man is capable of utilizing*”.<sup>33</sup>

#### **2.4.1. Konsep dan Falsafah Ikebana.**

Dalam falsafah Buddha, konsep Shussho atau ‘to be born’ mempunyai konotasi dengan asal usul bungaan dan tanaman. Ia adalah sinonim dengan kehidupan kemanusiaan dengan kelebihan setara kepada tabungan dari segi ‘*botanical aspects*’.

Berdasarkan kepada falsafah ini, terdapat dua konsep dalam Ikebana iaitu *Chowa* dan *Seshen*. Konsep *Chowa* merujuk kepada keharmonian antara manusia dengan alam semulajadi, manakala *Seishin* atau ‘*spirit*’ merujuk kepada persefahaman kejiwaan dan kemanusiaan terhadap bunga-bungaan.<sup>34</sup>

Ikebana juga merujuk kepada falsafah *Yin* dan *Yang* atau di Jepun dikenali sebagai *in* dan *yo* atau ‘*the balance*’. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa terlihat seolah-olah wujudnya pertentangan antara kedua-duanya. Tetapi di dalam *in* dan

---

<sup>32</sup> Lihat *Pictorial Encyclopedia of Japanese Culture*, Gakken Co. Ltd., Tokyo, 1987, hlm. 124

<sup>33</sup> *Ikebana, 101 Plants and 478 Arrangement*, Shufunotomo Co. Ltd., Tokyo, 1991, hlm. 38

<sup>34</sup> Ibid.

*yo*, kedua konsep ini adalah saling lengkap melengkapi. Malam umpamanya ibarat *in* dan cahaya lampu ibarat *yo*. Kedua-duanya merupakan unsur pertentangan.

Malam akan memberi ruang atau menuju ke arah siang *Yo*, dan cahaya lampu-lampu akan menerangi langit atau kejayaan. Ini akan sedikit demi sedikit mengurangkan kegelapan dan setetusnya membentuk kejayaan.<sup>35</sup>

Sepanjang sejarah Ikebana telah melalui pelbagai proses susun atur dan telah diperkembangkan dari semasa ke semasa. Bermula daripada pemilikan bunga sehingga ke perhiasannya yang melahirkan kecantikan semulajadi. Falsafah disebalik Ikebana bukanlah semata-mata kecantikan dan kecintian terhadap bunga-bunga sahaja, bahkan perhubungan mesra antara manusia dengan bunga, kerjasama dan saling lengkap melengkapai antaranya akan mencetuskan kesenian dan ketenangan yang sukar digambarkan dengan kata-kata sahaja.<sup>36</sup>

---

<sup>35</sup> Takashi Sawano, *Ibid.*

<sup>36</sup> *Ikebana, 101 Plants and 478 Arrangement*, hlm. 39

## **2.5. Penutup.**

Kepelbagai budaya tradisi Jepun yang dominan mencerminkan kewujudan rumpun budaya bangsa yang boleh didominasikan melalui pelbagai dimensi dan situasi. Kebolehupayaan teras budaya Jepun dalam mencorakkan nilai masyarakat sejak zaman berzaman, sekali lagi menampakkan betapa bangsa Jepun amat mementingkan kecintaan terhadap nilai estetika dan '*spiritual value*' budaya tradisi mereka. Disamping itu, terus sejati' budaya Jepun mempunyai nilai keunikanya yang semulajadi dan menterjemahkan kaitan dalaman dengan ideologi masyarakat Jepun.

Upacara minum teh, umpamamnya merupakan pendekatan kerohanian yang tinggi nilainya. Budaya seni taman dan susun atur bunga atau Ikebana juga lain dari apa yang dilihat melalui pancaindera biasa. Konsep dan falsafah keunikan budaya Jepun ini sudah tentu menjadikan ianya sentiasa '*hidup*' dalam khalayak Jepun.